

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK [\(ENGLISH VERSION\)](#)

Sila baca dan fahami Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memilih Pembiayaan Sewa Beli Perindustrian.

Pastikan anda membaca terma-terma dan syarat- syarat umum. Sila rujuk kepada Hong Leong Bank (“pihak Bank”) jika anda tidak memahami mana-mana bahagian di dalam dokumen ini atau terma-terma dan syarat- syarat umum.



Pembiayaan Sewa Beli Perindustrian

Tarikh:

1. Apakah yang ditawarkan oleh produk ini?

Ini adalah kemudahan sewa beli perindustrian, yang ditawarkan kepada anda untuk membiayai sebahagian daripada pembelian kenderaan. Apabila anda menerima kemudahan ini, anda akan memasuki satu perjanjian Sewa Beli Perindustrian dengan pihak Bank, dimana anda adalah penyewa dan pihak Bank adalah pemilik kenderaan. Faedah ke atas kemudahan ini akan dikenakan pada **kadar faedah tetap** tahunan sama rata. Apabila pembayaran penuh dibuat untuk jumlah yang terutang dibawah perjanjian, pemilikan kenderaan tersebut akan dipindahkan kepada anda.

2. Apakah yang boleh saya perolehi dari produk ini?

- Jumlah Pembiayaan : **RM** _____ (_____ % daripada harga jualan kenderaan)
- Tempoh: [_____] bulan
- Kadar Faedah : _____ % setahun sama rata
- Kadar Peratusan Tahunan : _____ %

3. Apakah tanggungjawab saya?

- Ansuran bulanan anda adalah **RM** _____
- Jumlah amaun pembayaran balik untuk [_____] bulan adalah **RM** _____
- Nota: Sebarang pembayaran yang dibuat melebihi bayaran berjadual akan dianggap sebagai pembayaran terdahulu. Pembayaran sedemikian tidak akan sama sekali mengurangkan jumlah faedah yang perlu dibayar dan tidak boleh dikeluarkan semula. Pembayaran terdahulu tersebut akan digunakan untuk membayar ansuran seterusnya yang kena dibayar.

4. Apakah caj lain yang perlu saya bayar?

Untuk senarai fi dan caj yang lengkap, sila layari laman web kami: www.hlb.com.my/loan2 atau imbas di sini.



5. Bagaimana sekiranya saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

Kesan-kesan bagi kegagalan dalam membuat pembayaran bulanan anda termasuk:

- a) Caj pembayaran lewat pada kadar peratusan tahunan ditambah 1% yang dikira setiap hari akan dikenakan ke atas amaun tertunggak dan ini akan menyebabkan jumlah belum dijelaskan meningkat.
- b) Kami akan menarik balik kenderaan jika:
 - Tiada pembayaran ansuran diterima selama dua (2) bulan berturut-turut dan Notis-notis Jadual Keempat yang dikeluarkan pada tunggakan itu telah tamat tempoh; atau
 - Kegagalan untuk membayar ansuran terakhir; atau
 - Jika Penyewa telah meninggal dunia dan tiada pembayaran ansuran diterima selama empat (4) bulan berturut-turut daripada waris penyewa.
- c) Semua perbelanjaan yang ditanggung semasa penarikan balik kenderaan akan dicaj ke akaun Pembiayaan Sewa Beli Perindustrian anda.
- d) Kami akan menolakkan sebarang baki belum jelas dalam akaun pembiayaan ini daripada baki kredit dalam akaun deposit anda dengan kami. Kami akan memberi notis tujuh (7) hari kepada anda sebelum melaksanakan hak ini.
- e) Anda bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang jumlah yang masih kurang selepas kenderaan dijual.
- f) Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda gagal bertindak balas terhadap notis peringatan.
- g) Tindakan undang-undang terhadap anda boleh memberi kesan terhadap penarafan kredit anda yang boleh menyebabkan kredit menjadi lebih sulit atau mahal bagi anda.

6. Bagaimana sekiranya saya menjelaskan pembiayaan sebelum tempoh matang?

Anda layak untuk mendapat rebat, yang merupakan bayaran balik faedah bagi tempoh yang belum luput. Rebate akan dikira berdasarkan formula yang seperti berikut:

$$R = TC \times \frac{n(n+1)}{N(N+1)} \text{ dimana,}$$

R mewakili rebat atas faedah
TC mewakili jumlah faedah yang dibayar sepanjang tempoh pembiayaan
n mewakili tempoh baki pembiayaan yang dinyatakan dalam bulanan
N mewakili tempoh pembiayaan asal yang dinyatakan dalam bulanan

7. Adakah saya perlu membeli perlindungan insurans?

Ya, perlindungan insurans terhadap kenderaan adalah wajib. Anda dihendaki untuk mengekalkan kenderaan di bawah perlindungan insurans yang komprehensif atau perlindungan insurans untuk semua risiko yang mana berkenaan sepanjang tempoh pembiayaan.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda menghubungi kami bagi sebarang perubahan maklumat perhubungan seperti nombor telefon, alamat surat-menyurat atau alamat e-mel untuk memastikan anda menerima semua surat-menyurat tepat pada masanya. Untuk mengemaskini butir-butir maklumat perhubungan anda, anda boleh melawat mana-mana cawangan kami.

9. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan atau pembelaan?

Jika anda mengalami masalah dalam membuat pembayaran balik, anda perlu menghubungi kami seawal mungkin untuk membincangkan pembayaran alternatif. Anda boleh menghubungi kami di:

Pusat Pemungutan
Hong Leong Bank Berhad
Tingkat 2, Tower A, PJ City Development,
15A, Jalan 219, Section 51A,
46100 Petaling Jaya
Tel: 03-7959 1888
E-mel: HPCrControlDept@hlbb.hongleong.com.my

Sebagai alternatif, anda juga boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Tingkat 5 dan 6,
Menara Bumiputra Commerce,
Jalan Raja Laut,
50350, Kuala Lumpur.
Tel: 03-2616 7766
Fax: 03-2616 7601
E-mel: enquiry@akpk.org.my

POWER! (Pengurusan Wang Ringgit Anda) Program yang ditawarkan oleh AKPK menggalakkan pengurusan wang berhemat dan disiplin kewangan kepada pelanggan individu. Untuk mendaftar dan maklumat lanjut, sila hubungi:

Tel: 03-2616 7766
Laman web: <https://power.akpk.org.my/> atau
www.akpk.org.my

Sekiranya terdapat sebarang aduan mengenai produk atau perkhidmatan kami, anda boleh menghubungi kami di:

Advokasi Pelanggan
Hong Leong Bank Berhad
Tingkat 13A, Menara Hong Leong,
No 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara,
50490 Kuala Lumpur.
Tel: 03-7626 8801/03-7626 8802/03-7626 8812
E-mel: customerservice@hlbb.hongleong.com.my

Sekiranya soalan atau aduan anda tidak dapat diselesaikan oleh pihak kami, anda boleh menghubungi BNMLINK di:

4th Floor, Podium Bangunan AICB,
No. 10, Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-88-5465 / 03-2174 1717 (untuk panggilan luar negara) atau Fax: 03-2174 1515
Web: bnmlink.bnm.gov.my

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat selanjutnya?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan untuk mengambil Pembiayaan Sewa Beli Perindustrian, sila log masuk ke laman web HLB di: <https://www.hlb.com.my/al-bm> atau hubungi Pusat Panggilan Hong Leong di Tel: 03-7626 8899.

11. Lain-lain pakej Pembiayaan Sewa Beli Perindustrian yang disediakan

Tiada

NOTA PENTING : KENDERAAN AKAN DITARIK BALIK DAN TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIAMBIL SEKIRANYA ANDA GAGAL MEMBUAT PEMBAYARAN ANSURAN MENGIKUT SYARAT-SYARAT YANG TERKANDUNG DI DALAM PERJANJIAN SEWA-BELI PERINDUSTRIAN

Maklumat yang disediakan di dalam helaian pendedahan ini sah pada / /